

Tokoh Umno tuduh Pas mencemar

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Islam

JELI, Ahad — Rakyat Kelantan, khususnya golongan muda, diminta menilai dengan rasional perjuangan PAS akhir-akhir ini dalam kontek perpaduan masyarakat Islam menegakkan akidah Islam dan kebudayaan bangsa.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Hulu Kelantan, Encik Mohd. Rozali Isohak berkata, kegiatan dan tindak-tanduk parti itu sekarang bertentangan dengan landasannya sebagai parti yang mendakwa memperjuangkan akidah Islam.

Belliau menegaskan, pemimpin-pemimpin Pas, terutama di peringkat kampung, kini giat memecahbelahkan perpaduan, perhubungan dan persefahaman masyarakat Islam setempat dengan menggunakan agama sebagai alat.

"Dalam kontek ini, berbagai fatwa kafir mengkafir yang karut-karut dikeluarkan, sehingga berlaku perpecahan dalam sesebuah rumahtangga, antara ayah dengan anak, isteri dengan suami," ujarnya.

"Inilah faktor penting yang mesti difikirkan oleh kita semua dan jangan memberi sokongan

membuta tuli kepada kegiatan Pas itu," tambahnya.

Encik Mohd. Rozali berucap menutup pesta sukan rakyat anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Hulu Kelantan, di Kampung Legeh, dekat sini petang semalam.

Membela

Katanya lagi, walaupun Pas dan pemimpinnya mengaku parti itu memperjuangkan Islam, namun akhir-akhir ini mereka sendiri "mencemarkan" kesucian agama itu.

"Pas tidak ada masa lagi untuk membetulkan dirinya, kerana kegiatan dan tindak tanduknya memecah-belahkan perpaduan masyarakat Islam setempat sekarang semakin meruncing," ujar belliau.

Encik Mohd. Rozali berkata, pemimpin-pemimpin Pas bertanggungjawab, segala perbuatan mereka itu dan setakat ini nampaknya sukar bagi mereka untuk member-sihkan diri.

"Kita jangalah menelan bulat-bulat isu yang disogok oleh Pas," ujarnya.

Belliau menyeru rakyat, terutama mudamudi di kawasan Hulu Kelantan khususnya, menyertai UMNO, kerana UMNO sahajalah sebuah parti yang boleh menjamin masa depan negara, bangsa dan agama.

Dalam kontek ini, tambah belliau, UMNO telah membuktikan bukan sahaja kepada rakyat negara ini, malah dunia antarabangsa, kemampuannya memimpin dan membela nasib rakyat.